



06 JAN, 2026

SAMBUNG ELEKTRIK SECARA HARAM

Harian Metro, Malaysia



PENIAGA DIDENDA RM80,000

SAMBUNG ELEKTRIK SECARA **HARAM**

Oleh Nor Fazlina Abdul
Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kota Bharu

Seorang peniaga dikenakan denda RM80,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan melakukan penyambungan haram elektrik di sebuah premis di Kampung Lundang pada Oktober tahun lalu.

Hakim Nik Habri Mohamad menjatuhkan hukuman selepas orang kena saman (OKS), Loo Siong Hong, 43, mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan.

Mengikut pertuduhan, OKS didakwa dengan curangnya menghalang meter elektrik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) daripada merekodkan dengan sempurna penggunahabisan elektrik dengan cara membuat sambungan haram yang disambung pada bahagian terminal keluaran suis fuis di panel meter dan dialirkan ke premis.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah premis di Kampung Lundang jam 3 petang pada 15 Oktober tahun lalu.

OKS didakwa di bawah perenggan 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan boleh dihukum di bawah

subsubperenggan 37(3)(A)(ii) Akta yang sama memperuntukkan denda RM20,000 hingga RM1 juta atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Pengarah Jabatan Undang-Undang Suruhanjaya Tenaga (ST), Khairul Nizam Mohd Kamal, manakala OKS tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Khairul Nizam memohon hukuman setimpal dikenakan kepada OKS memandangkan kes berkenaan serius membabitkan kepentingan awam selain kerugian yang ditanggung TNB sebanyak RM1.33 juta.

“Jenayah yang dilakukan OKS bukannya jenayah yang tipikal sebaliknya mencuri elektrik bagi tujuan melombong bitcoin. Malah ini adalah jenayah yang terancang dan impaknya bukan hanya kepada individu tetapi kepada kita semua.

“Perlu ditegaskan bahawa jumlah kerugian yang dialami oleh pihak TNB akibat kegiatan curi elektrik dalam kes ini adalah sebanyak RM1.33 juta. Ini adalah jumlah yang akan dikira sebagai ‘system loss’ yang akan mengakibatkan impak kenaikan kepada tarif elektrik kepada semua pengguna,” katanya.